

24 OKTOBER 2017

## IPD Dang Wangi selesai kes dadah terbanyak

18 NEGARA

KOSMO! SELASA 24 OKTOBER 2017

### IPD Dang Wangi selesai kes dadah terbanyak

**KUALA LUMPUR** – Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi dinobatkan sebagai IPD pertama dalam negara yang banyak menyelesaikan kes mengikut Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memastikan pesalahnya dituduh di mahkamah dalam tahun ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Amar Singh Ishar Singh berkata, sebanyak 84 kes membatik Seksyen 39C Akta Dadah berjaya diselesaikan di IPD Dang Wangi sejak Januari sehingga kelmarin dan ia sekali gus membuktikan kepimpinan ketua polis

daerah itu berintegriti dalam menangani jenayah.

“Statistik itu menjadikan IPD ini menduduki tempat pertama di Malaysia apabila melakukan pertuduhan terbanyak membatik Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mandatori lima tahun penjara dan tiga sebatan terhadap penagih yang ditangkap dan didapati mempunyai sekurang-kurangnya dua rekod kesalahan dadah lampau.

“Saya berharap kesungguhan yang ditunjukkan IPD dapat dikekalkan walaupun pucuk

pimpinan baharu akan menjalankan tugas sebagai ketua polis daerah,” katanya ketika berucap pada Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Daerah Dang Wangi di IPD Dang Wangi di sini semalam.

Pada majlis itu, Asisten Komisioner Shaharudin Abdullah menerima tugas sebagai Ketua Polis Daerah Dang Wangi yang baharu menggantikan Asisten Komisioner Mohd. Sukri Kaman yang bertukar ke Bukit Aman dengan menyandang jawatan Penolong Pengarah Pengurusan (Keselamatan/Sukan/Rekreasi), Jabatan Pengurusan.



AMAR SINGH (tengah) menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Daerah Dang Wangi antara Mohd. Sukri (kiri) dengan Shaharudin di IPD Dang Wangi semalam.